

Muhammad Lukman aktif berdakwah menerusi media terutama TV

Menghafal al-Quran 30 juzuk dengan kaedah sendiri tanpa mengikuti sistem formal seperti di madrasah atau pondok, adalah antara pengalaman manis, pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Muhammad Lukman Ibrahim, 43.

Lebih membanggakan apabila beliau berjaya mewakili Wilayah Persekutuan sebanyak tiga kali dalam Musabaqah Tahfiz al-Quran 30 Juz sejak 1996, mengalahkan calon yang mendapat pendidikan formal dalam bidang tahfiz termasuk dari Darul Quran.

"Saya mula menghafal al-Quran ketika dalam pengajian di Universiti Malaya (UM) dan berkesempatan dipilih mewakili Wilayah Persekutuan dalam musabaqah.

"Masih saya ingat, ketika menghiduri temu duga untuk mengajar di Maahad Tahfiz al-Quran Pangkal Gong, Pulau Chondong, Machang, penemuduga meminta sijil tahfiz saya, tetapi saya tiada sijil kerana belajar sendiri. Nasib baik ada sijil penyertaan musabaqah tahfiz, barulah saya diterima sebagai guru sekolah itu," katanya.

Menceritakan pengalamannya menghafal al-Quran, Muhammad Lukman berkata setiap hari selama tiga tahun beliau menghafal sehelai muka surat kitab suci itu yang lazimnya selepas Subuh dan mengulanginya ketika tiada kelas sehingga malam.

Guna teknik sendiri

"Saya menggunakan teknik sendiri. Ada tiga cara yang digunakan iaitu hafazan sehingga lancar, membaca kepala ayat serta membaca dari belakang dan yang ketiga adalah membayangkan kedudukan ayat dalam al-Quran," katanya.

Antara guru al-Quran dan tarunnya adalah Datuk Nik Jaafar Nik Ismail, Allahyarham Mohamad Yusof, Yahaya Daud, Cg Husin Yunus dan Shamsudin Mat Taib al Murqi.

Walaupun sudah bergelar al Hafiz dan turut mengajar al-Quran, Muhammad Lukman masih menerusi pembelajaran al-Quran dengan gurunya terutama Nik Jaafar apabila beliau pulang ke kampung.

"Belajar al-Quran dari kecil hingga tua. Lidah manusia akan berubah. Apabila umur meningkat tidak semestinya bacaan akan sama seperti ketika remaja. Walaupun sudah berstatus guru al-Quran tetapi masih perlu disemak bacaan oleh mereka yang lebih arif.

"Pemain bola sepak yang hebat pun mempunyai jurulatih untuk memantapkan lagi permainan, sama jugalah dengan bacaan al-Quran.



Belajar sendiri hafal 30 juzuk al-Quran

Bacaan perlu sentiasa disemak dan diperbetulkan jika ada kesilapan," katanya.

Mengimbas latar belakang Muhammad Lukman, anak jati Pasir Mas ini mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu di Negeri Sembilan sebelum melanjutkan pengajian dalam bidang Usuluddin di UM.

Minat mendalam dalam bidang al-Quran menyebabkan beliau terus melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Usuluddin (Tafsir) dan Ijazah Doktor Falsafah bidang tarunum, kedua-dua di UM.

Berpengalaman sebagai pensyarah al-Quran serta Tafsir dan Ketua Jabatan al-Quran dan Hadis, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) selama 11 tahun, beliau turut memegang Diploma Qiraat dan Tarunum yang pertama di negara ini.

Memulakan kerjaya sebagai guru tahfiz di Maahad Tahfiz al-Quran Pulau Chondong, Machang, selama dua tahun

banyak pengalaman pahit manis yang ditimba dalam mendidik anak bangsa.

"Mendidik pelajar 20 tahun lalu amat berbeza dengan sekarang. Jika dulu, pelajar melakukan kesalahan guru tidak teragak-agak menggunakan pendekatan rotan. Misalnya, semasa saya berkhidmat sebagai guru, jika pelajar tidak menghafal mengikut sukatan yang disediakan, rotan digunakan tetapi hanyalah di bawah betis dan pelajar tidak mengadu kepada ibu bapa.

Ibu bapa marah dengan guru

"Malah jika mereka mengadu, ibu bapa tidak marah, tetapi jika sekarang rotan digunakan, ibu bapa yang datang menyerang guru kerana marah dengan tindakan guru mahu mendidik anak mereka.

"Hasilnya, pelajar yang pernah menerima didikan zaman dulu kini menjadi 'manusia'. Mereka ada yang profesional dan mempunyai akhlak yang baik," kata anak kedua dari lima

beradik ini.

Pembabitannya dalam dakwah menerusi media bermula apabila beliau menjuarai program tarunum menerusi program *Kalam Suci* yang disiarkan Astro Oasis pada 2009.

Bertitik tolak daripada itu, beliau banyak menerima undangan untuk muncul di kaca televisyen menerusi program agama terutama yang memabitkan pembacaan al-Quran.

Namun, hanya selepas beliau pindah ke Kuala Lumpur pada 2011 apabila menerima tawaran pensyarah dan Penyelaras Program Pendidikan Islam Akademi Pengajian Islam UM barulah beliau mula aktif berdakwah menerusi media.

Pernah dijemput sebagai imam solat tarawih di Masjid Darul Makmur, Yishun, Singapura selama enam tahun, beliau turut muncul dalam program *Tanyalah Ustaz*, juri tarunum *Akademi al-Quran* (TV9), Dian Iman (RTM1), *Madrasah al-Quran Tarunum* (TV Hijrah) dan *Kalam Suci* (Astro Oasis).

"Masih saya ingat, kali pertama rakaman program *Tanyalah Ustaz* untuk siaran TV9, banyak kali juga saya tersilap dan terpaksa membuat rakaman berkali-kali. Walaupun sering memberikan ceramah tetapi apabila di hadapan kamera buat kali pertama memang gugup dan berdebar-debar. Sebenarnya, pengalaman memainkan peranan penting," katanya.

Tidak berkecil hati

Lebih dikenali di kalangan warga emas, Muhammad Lukman tidak berkecil hati kerana kebanyakan program agama di televisyen lazimnya ditonton golongan tua dan pesara yang mempunyai banyak masa lapang berbanding golongan pertengahan yang sibuk mencari rezeki.

"Ada beberapa peristiwa yang tidak dapat dilupakan sejak saya memulakan dakwah menerusi media. Pernah selepas ceramah ada seorang warga tua yang agak uzur bersalaman dengan saya dan memberikan wang kertas RM5. Katanya, beliau sudah lama berniat mahu memberi wang itu kepada saya.

"Sampai hari ini, saya masih lagi menyimpan wang itu, walaupun nilainya kecil tetapi ia sangat istimewa bagi saya," katanya.

Pernah ditengking jemaah masjid kerana tidak bersetuju dengan ceramah disampaikannya yang menyentuh isu Syiah, tidak sedikit melunturkan semangatnya untuk terus berdakwah.

Mendirikan rumah tangga dengan pilihan hati, Hanani Che Ali, 37, pasangan itu dikurniakan lima cahaya mata berusia antara dua hingga 15 tahun.

Tanpa menafikan cabaran lebih berat dalam mendidik anak di zaman teknologi maklumat menguasai dunia, beliau mempunyai cara tersendiri dalam memastikan anaknya berada di landasan yang sebenar.

"Sebelum ini, pernah kita bagi kebebasan anak menggunakan gajet untuk bermain 'game'. Tetapi apabila asyik berebut dan sering ingat 'game', maka, kini kami penukarkan masa lapang mereka dengan perkara yang lebih bermanfaat termasuk aktiviti sekolah," katanya yang turut menghabiskan masa lapang dengan bermain badminton dengan jemaah Masjid al Khayy'n di Desa Petaling.



MONA AHMAD

mona@bh.com.my

